



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 10, One IOI Square
IOI Resort
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : +603 – 89957016/7019/7006
Faks : +603 – 89411000
Web : <http://www.mmea.gov.my>

Rujukan : APMM UKK 100-2/1/1 Jil.8 ()
Tarikh : 13 Jun 2017

SIARAN MEDIA

OPERASI BERSEPADU MARITIM MALAYSIA BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MENJAGA PERAIRAN NEGARA

KOTA TINGGI, 13 JUN 2017 – Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Maritim Malaysia bersama dengan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Pasukan Polis Marin (PPM), Jabatan Perikanan, Jabatan Laut, telah mengadakan Operasi bersepadu bersama memantau perairan negara, memastikan perairan negara sentiasa selamat terutama di bulan ramadhan dan menjelang musim perayaan. Sedia maklum semua Agensi tersebut adalah agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan perairan negara terus terpelihara, oleh yang demikian Jalinan kerjasama dalam Operasi bersepadu ini yang julung kali diadakan, Maritim Malaysia mengusulkan Operasi bersepadu ini bagi memberi impak yang lebih baik dalam mengekang anasir-anasir jahat dan perlakuan jenayah di perairan negara. Operasi bersepadu ini akan memberi kesan yang lebih baik kerana setiap agensi akan memainkan peranan masing-masing bagi memantau pergerakan perlakuan jenayah, jalinan ini secara totalnya akan dapat mengurangkan kadar jenayah semasa di bulan ramadhan dan menjelang musim perayaan. Sepertimana di darat kita

dapat lihat Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) telah mengadakan jalinan kerjasama bagi memastikan pengguna jalan raya tidak melanggar peraturan jalan raya secara operasi bersepadu

Operasi bersepadu ini dilaksanakan adalah seiring dengan saranan Kerajaan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) hubungan kerja sama antara Maritim Malaysia dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim yang lain khasnya dalam usaha memperkuatkan sistem rondaan yang sistematik serta pengawasan perairan negara yang bersepadu dapat dipertingkatkan, serta kos operasi yang dijalankan dapat dikurangkan, skala operasi dapat dilakukan yang lebih luas berbanding jika dilakukan satu agensi sahaja.

Sedia maklum, setiap kali tibanya bulan Ramadhan, lazimnya masyarakat akan pulang ke kampung bagi menyambutnya bersama keluarga tercinta. Namun, bagi Maritim Malaysia, menjelang sambutan ini, penguatkuasaan dan rondaan di laut akan dipertingkatkan dua kali ganda daripada kebiasaan. Kerana diperamati, kes-kes yang melibatkan penyeludupan, pergerakan keluar masuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) akan meningkat menjelang perayaan yang bakal tiba ini.

Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Dato' Indera Zulkifili bin Abu Bakar berkata, "Bulan Ramadhan ini, kita percaya warga asing menggunakan pelbagai inisiatif seperti menggunakan bot nelayan asing sebagai alternatif keluar daripada Negara ini, tetapi kini ianya bertukar kepada sistem bot 'tukar barang' iaitu bot yang membawa barang. Modus operandi dipercayai

berpangkalan di Hutan Melintang itu diuruskan oleh ejen yang mengaut keuntungan dengan mengatur perjalanan pulang warga Indonesia ke kampung halaman mereka”.

Tambah beliau lagi, “Berdasarkan maklumat risikan, kebanyakannya warga Indonesia yang menggunakan khidmat ejen berkenaan bekerja dari seluruh pelusuk negara seperti Kelantan, Selangor, Perlis dan Negeri Sembilan. Siasatan kita mendapati, ejen akan menyediakan kenderaan darat di setiap negeri untuk warga Indonesia tersebut ke Hutan Melintang dan turut menyediakan bot untuk pulang ke negara mereka”.

Maritim Malaysia akan mengetatkan kawalan perairan bagi membanteras kegiatan seperti penyeludupan dan pencerobohan nelayan asing kerana mereka juga akan mengambil kesempatan daripada musim perayaan ini. Maritim Malaysia akan menggunakan beberapa strategi dalam usaha menahan penyeludup dan bot nelayan asing. Jika perlu, Maritim Malaysia akan mendapatkan bantuan pesawat udara untuk mengesan kegiatan dari udara selain mengerah lebih ramai anggota untuk bertugas menjelang perayaan ini.

Maritim Malaysia akan terus mempertingkatkan lagi pemantauan dan rondaan bagi membanteras aktiviti yang menyalahi undang - undang di laut. Jika terdapat sebarang aduan atau kecemasan di laut, pihak Maritim Malaysia berharap agar orang ramai dapat memberi kerjasama dengan memberi maklumat awam yang lengkap kepada pihak Maritim Malaysia di

talian 24 jam MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim menjelang Ramadan dan Hari Raya yang akan tiba ini.

Maritim Malaysia sentiasa melaksanakan operasi tanpa mengira masa, waktu, bulan puasa atau pun musim perayaan. ini adalah kerana terdapat perlakuan jenayah dan isu keselamatan yang akan meningkat semasa menjelangnya musim perayaan. sebagai contoh, ketika bulan ramadan ini umat islam telah mula membuat persiapan untuk menyambut perayaan aidilfitri yang bakal menjelang. apabila terdapatnya permintaan yang tinggi maka ianya akan meningkatkan penyeludupan barang kawalan, barang bersubsidi serta barang bercukai sama ada keluar atau pun masuk ke dalam negara. ianya sekiranya tidak dibendung akan merugikan negara.

selain dari penyeludupan barang kawalan, berkemungkinan tinggi untuk berlakunya penyeludupan migran disebabkan pendatang asing tanpa izin (pati) akan berusaha untuk pulang ke kampung halaman bagi menyambut hari lebaran bersama keluarga. pati ini sudah semestinya akan melalui jalan yang tidak sah untuk mengelakkan dari diri mereka ditangkap. apabila menggunakan jalan yang tidak sah faktor keselamatan akan menjadi taruhan. pengusaha bot tidak sah ini kebiasaanya beroperasi dengan tidak mematuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan dan akan membawa penumpang yang berlebihan dalam usahanya untuk mengaut keuntungan yang maksima. tragedi bot karam yang membawa penumpang pati sering terjadi setiap tahun ketika menjelangnya perayaan.

operasi pagar laut ialah operasi yang kita akan dilaksanakan sepanjang bulan ramadhan sehingga hari raya aidilfitri. operasi ini melibatkan 3 fasa iaitu fasa mengumpul maklumat berdasarkan perisikan, dan pengoperasian sepanjang bulan puasa serta hari raya bagi membendung jenayah maritim terutama kes melibatkan pati dan lain-lain. operasi turut melibatkan agensi penguatkuasaan maritim yang lain. kita juga ingin memkekalkan keyakinan tahap keselamatan di laut yang amat baik kepada komuniti maritim dunia yang menggunakan perairan negara terutamanya di selat melaka. tahap keyakinan ini sedikit sebanyak menyumbang kepada pelabur asing untuk bertapak di negara kita sekalus menjana pendapatan negara dengan amat baik sekali. di samping itu imej negara juga akan meningkat kerana negara kita juga antara penggiat sukan air, pelancongan terutama di pulau-pulau dan sebagainya.

di sini maritim malaysia terus komited dalam membentras jenayah tersebut dari berlaku. walaupun di bulan ramadan, maritim malaysia tidak mengurangkan operasi rutin tetapi telah menggandakan usaha dalam melaksanakannya dengan menambah bilangan aset dan keanggotaan yang terlibat dalam operasi tersebut. aset-aset yang terlibat juga dikehendaki meningkatkan rondaan dan pemeriksaan ke atas vesel-vesel yang dicurigai.

dalam usaha memastikan jenayah penyeludupan barang dan migran dapat dikekang, operasi pagar laut telah dilaksanakan. operasi ini dilaksanakan dengan pendekatan mengumpul serta mengenalpasti kawasan “hot spot” dan seterusnya meningkatkan kawalan di kawasan sempadan dan pintu

masuk “hot spot”. sepanjang bulan ramadan hingga syawal ini, maritim malaysia fokus terhadap kegiatan jenayah di laut terutamanya bagi pendatang asing tanpa izin (pati) yang ingin menyelinap keluar secara haram dengan alasan ingin pulang beraya di kampung halaman mereka.

bagi memastikan insiden kehilangan nyawa tidak berlaku menjelang musim perayaan ini, pendatang asing tanpa izin (pati) disarankan agar pulang menggunakan jalan yang sah dengan membayar denda kerana berada di negara ini secara haram sebelum kembali ke negara mereka untuk berhari-rayaya.

berdasarkan rekod maritim malaysia, setiap kali tiba musim perayaan pasti akan berlaku kemalangan di laut yang melibatkan kehilangan nyawa membabitkan pati dan ianya amat menyedihkan. oleh demikian, menerusi op pagar laut 2017 maritim malaysia memperhebatkan lagi rondaan dan penguatkuasaan di sekitar kawasan titik panas untuk memastikan keselamatan perairan negara terjamin serta mencegah dari berlakunya kegiatan salah laku di laut.

dari pada januari hingga pertengahan mei ini sahaja, seramai **213** orang pati telah ditahan melibatkan **141** individu dari indonesia, **29** filipina, **11** myanmar, **27** vietnam dan **5** dari thailand. oleh demikian, bagi memastikan keberkesanan op pagar laut 2017 ini berjaya, kesiapsiagaan aset dan anggota penguat kuasa juga dititik beratkan. maritim malaysia akan terus memastikan kawalan di kawasan perairan sempadan dan pintu masuk yang menjadi kawasan titik panas akan dipertingkatkan dengan kehadiran

di antara 8 hingga 20 aset setiap hari di setiap wilayah. tidak lupa dengan itu, persediaan mental dan fizikal terutama bagi anggota yang tidak dapat pulang beraya bersama keluarga turut dititikberatkan.

sepanjang lima bulan pertama tahun ini, maritim malaysia terus mengekalkan prestasinya di zon maritim malaysia (zmm). dari sudut penguatkuasaan undang – undang. maritim malaysia telah melakukan sebanyak **13,435** penggeledahan serta hampir **435** tangkapan. setakat ini maritim malaysia berjaya mencatatkan indeks jenayah maritim sebanyak 4.0 peratus untuk tempoh 5 bulan pertama. indeks ini pasti akan menurun apabila mengakhiri 2017 nanti.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat,
Agenzi Penguatkuasaan Maritim Malaysia,
Jabatan Perdana Menteri,
Putrajaya.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
En.Adeli bin HUssin
Tel: 03 – 89957006 / 012-6592068
Fax: 03 – 89411000
Email: adeli@mmea.gov.my